

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, August 24, 2017 7:23 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Naib Canselor Serah Surat Tawaran B40



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



24 OGOS 2017 / 02 ZULHIJAH 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

NAIB CANSELOR SERAH SURAT TAWARAN B40



UUM ONLINE: Naib Canselor, Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak menyampaikan surat tawaran kemasukan kepada pelajar B40 sejourus selesai Perhimpunan Bulanan Dan Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-60 di Dewan Mu'adzam Shah, pagi tadi.

Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Akademik, Shahidan Shafie berkata, pelajar bertuah itu antaranya Siti Rohaishah Khassim (Pelajar Sarjana Muda Kaunseling) Nor Shazwani Jamaludin (Pelajar Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam) dan Nurul Atikah Abd Samad (pelajar Sarjana Muda Pengurusan Awam).

Jelasnya, daripada 652 permohonan seramai 190 calon yang layak menyambung Ke peringkat Ijazah Sarjana Muda setelah memenuhi syarat am universiti, syarat khas program dan kriteria yang ditetapkan iaitu pendapatan keluarga di bawah RM1,500.

Katanya, pelaksanaan mekanisme mod kemasukan baharu bagi isi rumah 40% terendah telah memasuki *batch* keempat yang memberi impak positif apabila pelajar sebelum ini menunjukkan prestasi memberangsangkan setiap semester.

"Kadang-kadang pelajar tercicir ini mempunyai peluang cerah untuk berjaya jika diberi ruang sebaiknya untuk menunjukkan potensi sebenar dan kita harap program yang membantu golongan yang memerlukan ini akan berterusan.

"Universiti berbeza dengan persekolahan, justeru pelajar perlu mempunyai jati diri, disiplin, fokus serta patuh kepada peraturan yang ditetapkan kerana pelajar merupakan amanah ibu bapa kepada universiti untuk dibimbing menjadi modal insan yang berguna," ujarnya.

Sementara itu, Pelajar Sarjana Muda Kaunseling, Siti Rohaishah Khassim, 20 melahirkan rasa bersyukur menjadi pelajar UUM dan bertekad memanfaatkan peluang yang diberikan dengan sebaik-baiknya untuk belajar di kampus hijau yang menghadirkan suasana pembelajaran yang kondusif.

Beliau yang ditemani nenek, Zainab Ali berkata, semuanya bermula setelah menyertai program Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang menyampaikan maklumat tentang pendidikan termasuk B40 lalu terus memohon.

"Jutaan terima kasih kepada Naib Canselor serta UUM kerana membuka jalan kepada kami, insya-Allah kami akan berusaha bersungguh-sungguh sehingga berjaya dengan cemerlang di samping mengubah nasib keluarga," luahnya.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.